

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



LIVE HD

Live@PTAR Siri 11 Bicara Pakar Bersama Profesor Dr. Normah Omar (Top Most Influential Women In Islamic Business & Finance) m/s 7

LIVE HD

Live@PTAR Siri 8 Bicara Pakar: "Institusi Beraja Lambang Kedaulatan Negara" m/s 6



LIVE HD




Live@PTAR Sabah Siri 1: Sesi Perkongsian Ilmu: Industri Madu Kelulut di Negeri Sabah m/s 34

LIVE HD

LIVE@PTAR UiTM Cawangan Sarawak@122 Astro & myFreeview: Perpustakaan m/s37



Kunjungan Hormat Ke Pejabat Penolong Rektor m/s22



Untuk menonton
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung di bawah segmen Bersama Bank Islam dengan tajuk "Bagaimana Covid-19 memberi kesan kepada Malaysia - apa yang berlaku seterusnya". Program ini telah dikendalikan oleh Puan Siti Salwa A.Rahman, Pustakawan Kanan PTAR selaku moderator bersama panel jemputan, Dr. Afzanizam bin Abdul Rashid, Ketua Pakar Ekonomi Bank Islam Malaysia Berhad. Perkongsian ilmu pada kali ini dimulakan dengan penerangan mengenai kesan Covid-19 kepada ekonomi negara. Pada tahun 2020, negara dilihat mengalami kemelesetan ekonomi. Ia dapat dilihat dengan menggunakan kayu ukur Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu penguncupan sebanyak 5.6%.

Dr. Afzanizam berkata, pemulihan ekonomi pada masa kini telah mula berlaku. Bantuan-bantuan kerajaan seperti Bantuan Prihatin Rakyat, Geran Khas Prihatin dan Program Subsidi Upah masih lagi wujud kerana ekonomi belum lagi mencapai pemulihan secara menyeluruh. Oleh yang demikian, perkara pertama yang boleh dilakukan oleh masyarakat adalah dengan mendapatkan vaksin. Hal ini kerana, selagi herd immunity tidak dicapai, sektor ekonomi tidak boleh dibuka secara normal.

Di samping itu, panel jemputan turut memberikan pandangan mengenai peluang yang sesuai bagi penjana ekonomi secara tidak langsung memberi manfaat kepada rakyat. Menurutnya, bagi golongan yang tidak terjejas pendapatan, mereka boleh mengambil peluang dengan membuat pelaburan. Bagi peniaga PKS dan sebagainya, mereka boleh melihat semula operasi perniagaan, adakah berada di tahap maksimum, pengurusan kos atau menaik taraf perniagaan supaya produktiviti dapat ditingkatkan. Semoga perkongsian ilmu pada kali ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat, khususnya warga UiTM.